

Kabinet lulus 3 langkah perkasakan bahasa

PUTRAJAYA 5 Okt. - Kabinet menetapkan tiga langkah utama termasuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memperkasakan bahasa kebangsaan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, dua lagi langkah ialah mengiktiraf peranan Jawatankuasa Induk Memperkasakan Bahasa Kebangsaan (JKIMBK) dan usaha merencanakan industri buku kebangsaan.

Beliau berkata, ia diharap mampu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa identiti rakyat Malaysia, bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan bahasa pengucapan berbudaya tinggi dengan lebih berkesan.

"Tiga langkah utama yang dirangkumkan daripada 13 syor itu telah dibentang dan diluluskan oleh Kabinet, semalam.

"Syor yang dibentangkan itu adalah hasil keputusan JKIMBK yang bermesyuarat kali pertama pada 2 Mac dan kali kedua pada 11 Julai lalu," katanya dalam satu kenyataan akhbar bersama Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatira, di sini hari ini.

Kuatkuasa

Utusan Malaysia hari ini menyiarkan kenyataan Rais bahawa DBP akan diberi kuasa mendenda pihak yang didapati bersalah mencemar bahasa kebangsaan tidak lama lagi.

Denda itu akan dikuatkuasakan sebaik sahaja Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan Akta Pendidikan 1996 dipinda oleh pejabat

Peguam Negara dan diluluskan Parlimen pada sidang Dewan Rakyat yang akan bersambung selepas cuti perayaan ini.

Kabinet bersetuju supaya 'pencemar bahasa kebangsaan' itu didenda RM1,000.

Sehubungan itu, Hishammuddin memberitahu, enam jawatankuasa kerja telah diwujudkan bagi melaksanakan pelbagai program dan tindakan berdasarkan 13 syor itu.

"Jawatankuasa kerja (JK) itu adalah JK Dasar Buku Negara, JK Dasar Bahasa dan Garis Panduan Pelaksanaan, JK Kerja Media Massa dan JK Penggalakkan/Pemupukan dan Kegiatan.

"Selain itu, JK Penyelarasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam dan JK Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta," katanya.